

20 FEBRUARI 2018

AADK jamin tidak dedah identiti artis



Program 'Flash Mob Bunyikan Hon' dilaksanakan di ibu negara sempena Sambutan Hari Antidadah Kebangsaan ke-35.

AADK jamin tidak dedah identiti artis

KUALA LUMPUR - "Datang secara sukarela jika tidak mahu malu," itu jaminan diberikan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dalam usaha bekerjasama dengan Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) untuk pemulihan artis terlibat dengan dadah.

Ketua Pengarah Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Datuk Dr. Abd Halim Hussin, berkata, seperti mana hasrat Seniman, ujian saringan terhadap penggiat seni dilaksanakan tanpa mengaibkan sesiapa.

Namun menurutnya, sekiranya operasi mengejut di-

buat dan artis terlibat berada di lokasi ia adalah diluar bidang kuasa mereka untuk dikesualikan daripada tindakan undang-undang.

"Seniman datang pada AADK sebagai langkah untuk menjaga nama baik penggiat seni. Tetapi jika mahu itu berlaku, kena datang pada kami. Jadi kita mahu sesiapa terlibat, datang sukarela kita bantu dapatkan rawatan," katanya ditemui ketika Program 'Flash Mob Bunyikan Hon' Sempena Sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan ke-35, di sini, semalam.

Ditanya sama ada berlaku

situasi membimbangkan berhubung penyalahgunaan dadah dalam kalangan penggiat seni, Dr. Abd Halim, bagaimanapun tidak meletakkan perkara tersebut sebagai tumpuan.

Sementara itu, Pengerusi Seniman, Zed Zaidi, berkata, setakat kajian yang dibuat, pengumpulan data artis terlibat dengan dadah hanya sebahagian kecil sahaja.

"Saya jamin tidak tinggi hanya minoriti sahaja. Kita akan teruskan program-program bersama AADK. Kita bukan mahu aibkan tapi mahu selamatkan," katanya.